

08/11/1999

Kapal hidrografi terancang di Lima

Mohd Zin Ali

SEBANYAK 32 kapal termasuk kapal friget terbaru milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), KD Lekiu dan kapal hidrografi terancang di rantau ini, KD Perantau, akan dapat disaksikan pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima '99) pada 30 November hingga 5 Disember ini.

Pameran maritim Lima '99 yang dikatakan terbesar di dunia itu, turut akan memperlihatkan kapal perang milik Tentera Laut Amerika Syarikat, USS Vincennes, yang pernah terbabit dalam perang teluk 1990.

Selain Amerika Syarikat, negara lain yang mengambil bahagian dalam pameran kali ini ialah termasuk Singapura, Bangladesh, Perancis, Filipina, Indonesia dan Pakistan.

Dijangka lebih 4,000 kelasi akan berada di Langkawi sepanjang pameran berkenaan.

Satu perarakan kawad sepanjang dua kilometer yang disertai 1,000 orang termasuk pasukan pancaragam di Jeti Kuah, turut memeriahkan suasana pameran berkenaan pada 3 Disember ini.

Pameran maritim Lima '99 itu akan dibuka kepada orang ramai selama dua hari iaitu pada 4 dan 5 Disember ini dari jam 10 pagi hingga 5 petang. Masuk percuma.

Orang ramai juga boleh menyaksikan demonstrasi atas air dan kenderaan amfibia yang menggunakan hovercraft milik tentera, akan dipersembahkan dari jam 10.30 pagi hingga jam 12 tengah hari mulai 1 hingga 4 Disember di Jeti Tanjung Malai.

Pengerusi Eksekutif HW Lima, Tan Sri Abdul Wahab Nawi, ketika ditemui dalam satu sidang akhbar baru-baru ini berkata, pihaknya berpuas hati dengan persediaan untuk menganjurkan pameran berkenaan.

Menurutnya, keluasan kawasan pameran maritim Lima '99 kali ini menunjukkan pertambahan lebih 30 peratus berbanding Lima '95.

Menurutnya, sebanyak 285 syarikat dari 21 negara akan mengambil bahagian dalam pameran selama enam hari di Tanjung Malai, Langkawi itu.

Katanya, sebanyak 18 panglima tentera laut dari 18 negara sudah mengesahkan untuk turut hadir dalam pameran berkenaan.

"Ini akan membolehkan syarikat yang terbabit dalam pameran berkenaan berurusan langsung dengan mereka yang terbabit dalam membuat keputusan pembelian peralatan yang diperlukan," katanya.

Apa yang lebih menarik pada hari perasmian pameran itu, Wahab berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diberi penghormatan untuk menaiki kapal persiaran terbaru dan terbesar di dunia iaitu MV SuperStar Virgo.

(END)